

BANK ISLAM HARGAI PENUMPANG DENGAN PERJALANAN ERL PERCUMA SELAMA SETAHUN

KUALA LUMPUR, Isnin, [22 Jun 2026]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) terus menyediakan kemudahan dan nilai tambah lebih baik kepada para pelanggan menerusi kerjasamanya dengan Express Rail Link Sdn Bhd (ERL), menggabungkan manfaat perjalanan harian bersama pertumbuhan kukuh dalam perniagaan kadnya.

Sejak tahun 2019, kerjasama ini telah berkembang menjadi satu penawaran popular dalam kalangan pemegang Kad Kredit-i dan Kad Debit-i Bank Islam yang menikmati penjimatan sebanyak 20% bagi tiket ERL, sekali gus menjadikan perjalanan ke lapangan terbang dan harian lebih mudah serta lancar.

ERL, menerusi perkhidmatan utamanya KLIA Ekspres, menyediakan rangkaian rel berkelajuan tinggi premium yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan KLIA, menyediakan perjalanan ke lapangan terbang yang senang, terus dan pantas. Bagi melengkapkan perkhidmatan ini, KLIA Transit pula memainkan peranan penting dalam menyokong perjalanan harian, khususnya bagi warga kerja yang berulang-alik dari koridor selatan ke Kuala Lumpur, dengan menyediakan sambungan rel yang boleh dipercayai melalui hab pertukaran utama seperti Bandar Tasik Selatan (BTS) dan Putrajaya. Perkhidmatan bersepadu ini mewujudkan ekosistem rel komprehensif yang memberi manfaat kepada penumpang lapangan terbang serta pengguna harian.

Kerjasama ini telah mencatatkan momentum yang memberangsangkan dengan perbelanjaan menggunakan kad di ERL meningkat sebanyak 63% pada tahun 2024 dan 36% pada tahun 2025, manakala jumlah transaksi meningkat sebanyak 75% dan 31%, masing-masing, dalam tempoh sama.

Ketua Pegawai Perniagaan – Perbankan Runcit Bank Islam, Mizan Masram berkata, “Selain pertumbuhan perniagaan, kerjasama ini menyokong pengalaman perjalanan tanpa tunai yang lebih lancar untuk orang ramai. Dengan mengintegrasikan perkhidmatan perbankan dan pengangkutan, Bank Islam terus memainkan peranan menjadikan perjalanan lebih mudah dan bermanfaat. Kami mahu setiap perjalanan memberikan nilai tambah kepada pelanggan. Melalui kerjasama ini, kami menggalakkan pelanggan untuk terus menggunakan kad Bank Islam mereka bersama ERL dan menikmati penjimatan serta ganjaran yang ditawarkan.”

Berdasarkan momentum positif ini, Bank Islam menjangkakan pertumbuhan berterusan hasil kerjasamanya dengan ERL, dengan unjuran peningkatan jumlah nilai transaksi sebanyak 10% menjelang akhir tahun 2026.

YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah Raja Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam berkata, "Di Bank Islam, kami komited untuk menjadikan pengalaman harian pelanggan lebih bermakna dengan penyediaan penyelesaian yang mudah, relevan dan bermatlamat. Melangkah ke hadapan, kami akan terus berinovasi dan membina kerjasama yang membawa nilai berpanjangan kepada pelanggan serta masyarakat."

Bagi meningkat ganjaran kepada pelanggan, Bank Islam telah memperkenalkan satu kempen istimewa sempena cuti persekolahan dan musim percutian hujung tahun, yang berlangsung dari 1 September hingga 31 Disember 2025. Melalui kempen tersebut, seramai 10 pemenang telah memenangi perjalanan ERL percuma selama setahun.

Majlis penyampaian hadiah yang dianjurkan baru-baru ini di Kuala Lumpur menjadi satu lagi pencapaian dalam usaha berterusan Bank untuk mempertingkatkan pengalaman pelanggan melalui ganjaran yang bermakna.

Seramai 10 penumpang setia telah menerima hadiah berupa perjalanan percuma selama satu tahun sebagai penghargaan atas penggunaan kad Bank Islam berterusan bagi perkhidmatan KLIA Ekspres dan KLIA Transit. Mereka terdiri daripada:

NO	NAMA
1	HUSNA IZZATI MD ZAIN
2	ADAM SHAFIQ SUKRI
3	NAVAMUGUNTHAN A/L KALIMUTHU
4	MUHAMMAD ASHRAF ANSAR AHMAD KHAN
5	ALIZA MD HANIF
6	NORAZILA MOHD YASIN
7	SITI NOOR NAJIBAH LOCKMAN
8	AIDATUL SHIMA AHMAD
9	RINA ALI AMAT
10	MUZAFFAR MOHAMMAD

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai sebuah institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited dalam memastikan kemakmuran lestari dan mengikut nilai-nilai ESG. Ia merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak syarikat Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities, menawarkan perkhidmatan pelaburan dan pembrokeran saham.

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com atau emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my.